

BULETIN 5S

VOLUME 4: EDISI 2015



MAJLIS BANDARAYA KUCHING SELATAN

ZON – ZON MBKS 2015

**TECOMARIA
CAPENSIS**



**JATROPHA
INTEGERRIMA**



**BIRD OF
PARADISE**



**SPATHOGLOTTIS
PLICATA**



**IXORA
SUNKIST**



**IXORA
YELLOW**



**SINNINGIA
SPECIOSA**



**BOUGAINVILLEA
“CHILLI RED”**



RAFFLESIA



FLACIDDA



**CANNA
COCCINEA**



**IXORA
SIAMENSIS**



**PLUMERIA
ALBA**

KE ARAH PERSIJILAN SEMULA 5S

MBKS sentiasa berusaha untuk terus mengekalkan Pengiktirafan Persijilan Persekutaran Berkualiti 5S daripada pihak MPC setiap tahun. Justeru itu kejayaan memperbaharui Persijilan tersebut untuk kali yang ketiganya pada 2014 yang lepas telah memberi semangat kepada warga kerjanya untuk terus berusaha memperbaiki kelemahan yang ada dari semasa ke semasa. Ia adalah sebagai persediaan ke arah Persijilan semula 5S untuk kali yang keempat yang dijangka akan dijalankan pada Disember 2015. Kerjasama pihak Pengurusan dengan Jawatankuasa Pemandu 5S di bantu oleh semua Ketua Zon yang dilantik telah berusaha keras bagi mencapai kejayaan untuk Persijilan kali ini. Semoga kerjasama dan penglibatan semua pihak mampu merilisasikan matlamat bagi memperbaharui Persijilan 5S untuk kesekian kalinya pada tahun ini.

TAHUN 2010



RENTETAN AKTIVITI SEPANJANG NOVEMBER 2014 — DISEMBER 2015



Selepas kejayaan memperbaharuai Persijilan 5S untuk kali ketiga, usaha yang berterusan daripada Jawatankuasa Pemandu terus dilakukan melalui beberapa aktiviti yang dirancang bagi mengekalkan momentum 5S. Ia juga merupakan langkah persediaan bagi semua warga kerjanya untuk memperbaharuai Persijilan 5S yang akan tamat pada 19 Ogos 2015. Poster disebelah adalah antara aktiviti yang dilakukan oleh setiap Zon sebagai sebahagian aktiviti 5S sebelum tahun 2014 menutup tirainya.

LAWATAN ORGANISASI LUAR KE MBKS

Kejayaan MBKS mendapat persijilan ketiga pada tahun 2014 telah menarik perhatian organisasi luar untuk melawat MBKS dan mempelajari serba sedikit praktik 5S yang diamalkan untuk menambahbaik amalan 5S di organisasi mereka. Berikut merupakan beberapa organisasi luar yang telah mengadakan Lawatan Sambil Belajar yang sudah pastinya dapat dijadikan panduan dan rujukan untuk penambahbaikan Amalan 5S bagi organisasi tersebut khasnya dan MBKS amnya.



Lawatan Majlis Perbandaran Padawan Ke MBKS Pada 13 November 2014

LAWATAN ORGANISASI LUAR KE MBKS



Lawatan Majlis Daerah Sri Aman Ke MBKS Pada 6 Mei 2015

MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU & JK KERJA 5S



Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu pada 26/3/2015



Perbincangan 'Ad-Hoc pada 28/4/2015



Mesyuarat Jawatankuasa Kerja pada 12/3/2015




LAWATAN KE SEDC

Bagi meningkatkan lagi kefahaman berkenaan 5S satu Lawatan Sambil Belajar ke SEDC telah diadakan pada 15/6/2015. Lawatan ini bertujuan memberi lebih banyak pendedahan kepada Ketua-ketua Zon terutamanya untuk melihat sendiri organisasi yang telah berjaya mengekalkan persijilan untuk kali yang kesepuluh. Diharapkan dengan lawatan ini akan memberi lebih banyak idea kepada ketua-ketua Zon untuk mengaplikasikannya di zon masing-masing.



POLISI & OBJEKTIF 5S 2015

Pada 22-23 April 2015, penyelaras Projek telah menghadiri Program Sistem Pengurusan Berkualiti (5S) untuk Pakar Interpretasi bertempat di Hotel Hilton Kuching anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Tujuan program ini adalah untuk memberi pendedahan mengenai standart yang telah dibangunkan dan melatih para pengamal dan perunding menjadi salah seorang juru audit yang bertauliah dalam menjalankan sesi pengauditan. Hasil daripada program tersebut Penyelaras telah mengadakan perbincangan Ad-Hoc dengan Jawatankuasa Kerja pada 28 April 2015 berkenaan intipati Program tersebut.. Hasil perbincangan JK Kerja sebulat suara bersetuju untuk menggubal semula Polisi dan Objektif 5S mengikut kreteria yang telah ditetapkan oleh pihak MPC. Pada 13 Oktober 2015 Polisi dan Objektif 5S telah digunakan bagi menggantikan polisi yang terdahulu.





PROMOSI


Untuk tujuan Promosi beberapa aktiviti telah dilakukan oleh Promosi seperti menerbitkan Buletin, sentiasa mengingatkan serta mewarwarkan hebatnya segala aktiviti yang berkaitan dengan 5S kepada semua warga kerjanya. Selain itu promosi melalui media elektronik (skrin TV) juga telah dibuat. Skrin tersebut berdekatan dengan kauter pembayaran Bil.

Pengumuman Hari Audit dan info terkini 5S




Buletin 5S

Edisi 2015— akan datang

Promosi melalui media elektronik (Skrin TV)

SOAL SELIDIK TAHAP KEPUASAN WARGA KERJA TERHADAP KESELESAAN DAN KESELAMATAN PERSEKITARAN KERJA

Kajian Kepuasan Kakitangan MBKS terhadap Keselesaan Tempat Kerja



Kajian kepuasan Kakitangan MBKS terhadap Keselamatan Tempat Kerja



Pihak Urusetia 5S telah mengambil inisiatif untuk membuat soal selidik ke atas warga kerja MBKS tentang tahap kepuasan terhadap keselesaan dan keselamatan persekitaran kerja mereka. Hasil kajian didapati warga kerja berpuas hati terhadap dua aspek tersebut. Sehubungan dengan itu JKP Pemandu akan berusaha menambahbaik kelemahan yang ada agar dapat mengatasi masalah berdasarkan aspek ketidakpuasan yang ditunjukkan dalam kajian tersebut.


KEPUTUSAN AUDIT DALAMAN 2015

Jawatankuasa Audit telah melakukan audit ke atas semua Zon pada bulan Jun 2015 melibatkan bangunan MBKS dan juga Bengkel. Graf dibawah memperlihatkan perbandingan keputusan audit dalaman 5S tahun 2014 dan 2015. Ada Zon yang mewujukkan peningkatan dan ada juga penurunan. Walau bagaimanapun secara keseluruhannya adalah memuaskan.

Nama Zon	Markah Keseluruhan (%)	
	Tahun 2015	Tahun 2014
Bougainvillea Chilli Red	97.14	97.99
Ixora Siamensis	92.78	94.89
Rafflesia	92.42	88.16
Jatropha Integerimma	89.58	80.85
Canna Coccinea	89.50	78.79
Spathoglottis Plicata	89.22	84.80
Ixora Yellow	89.06	82.89
Tecomaria Capensis	88.76	91.19
Flaccida	85.45	93.75
Bird Of Paradise	82.91	0.00
Sinningia Speciosa	82.14	88.35
Ixora Sunkist	77.78	82.91
Plumeria Alba	65.28	90.49

**PERATUSAN MARKAH KESELURUHAN AUDIT DALAMAN 5S BAGI TAHUN 2014 & 2015
MAJLIS BANDARAYA KUCHING SELATAN**

■ Tahun 2015 ■ Tahun 2014



AKTIVITI-AKTIVITI 5S

MBKS mengambil inisiatif untuk melakukan aktiviti kemasyarakatan seperti membuat kempen Gotong Royong sempena musim perayaan di kawasan tertentu sebagai sebahagian daripada komitmen Majlis Bandaraya bagi membantu menjaga kebersihan kawasan persekitaran tempat tinggal mereka. Berikut merupakan beberapa aktiviti gotong royong yang telah dijalankan oleh MBKS.



Bahagian Kesihatan Awam setiap bulan akan mengadakan Kempen Kitar Semula di tempat-tempat yang telah ditetapkan mengikut jadual yang boleh didapati dilaman web www.mbks.com.my. Pada masa tersebut setiap barang kitar semula ditukar dengan mata bonus yang boleh digunakan untuk menebus pelbagai barang keperluan rumah. Kempen ini berlangsung sepanjang tahun.



AKTIVITI ZON

**AKTIVITI 5S BAHAGIAN PENTADBIRAN (TECOMARIA CAPENSIS)
PADA 28 OKTOBER 2014**



Aktiviti Zon Plumeria Alba





RUANGAN MOTIVASI

Orang-orang optimis bukan berarti menjalani hidup tanpa kesulitan. Mereka tetap menghadapi masalah, tantangan, hambatan. Namun itu tidak menghalang langkahnya justeru itu sebagai kesempatan

Kasut Yang Tak Muat (Dan Garam Percuma)

Ada sepasang kasut yang cantik, tapi saiznya terlalu kecil, disebuah jualan yang menawarkan diskon 80%. Tapi ia tak berbaloi untuk dibeli, bukan kerana anda tidak layak untuk sebarang harga tetapi kerana kasut yang tak muat bukanlah sesuatu yang menguntungkan. Dan di kedai makan, anda mungkin terperasan bahawa tiada bayaran tambahan untuk garam. Kita boleh ambil sebanyak mana yang kita mahu untuk makanan kita secara percuma (Sudah pastilah ia bukan betul-betul percuma, ia adalah sebahagian daripada apa yang kita bayar untuk makanan itu, jadi untuk menjadikan bayaran kita tu berbaloi, mungkin kita mahu ambil garam itu dengan sebanyak-banyaknya). Ya, pastilah itu adalah perbuatan yang senget dan memalukan. Kerana walau seberapa banyak yang kita bayar untuk garam itu, dan walau kita boleh gunakannya tanpa had; – menggunakan secara berlebihan hanya akan merosakkan hidangan kita.

Kehidupan ini sebenarnya bukanlah ‘semuanya kita boleh makan’. Ia adalah tentang ‘semua yang kita peduli untuk makan’. – Ia adalah sesuatu yang berbeza sama sekali. Hanya dengan kerana kita memiliki tidak bermakna kita perlukannya. Oleh hanya kerana kita membayarnya tidak bermakna kita harus menggunakan ia kesemuanya. Hidup kita adalah terlalu singkat, dan kita tidak akan mampu melakukan semua perkara. Mustahil untuk mencapai semua perkara. Jadi rancang dan pilih perkara yang betul-betul memberikan keuntungan kepada kita.

Pengalaman hebat tidak bisa dialami dengan keberanian kecil.

Keberanian itu seperti otot, tumbuh dan menguat karena digunakan.

Bertindak di dalam rasa takut tetap lebih gagah daripada orang yang hanya berani bicara tapi tidak bertindak.

Mario Teguh

www.RedMario.com

Twitter @MTLovenHoney



“ Marilah kita memuliakan kehidupan.

Janganlah berlama-lama mengisi kehidupan dengan pertambahan yang lebih mengutamakan tidak berubahnya pendapat lama yang tidak memuliakan kehidupan.

Marilah kita menyegerakan keterlibatan dalam kehidupan yang ceria dan sibuk dengan pekerjaan-pekerjaan yang meningkatkan kualitas hidup kita.

Kemudian, jika kita merindukan tempat-tempat yang mulia dalam kehidupan kita di dunia dan di surga, marilah kita melebihkan kecintaan yang menjadikan diri dan pekerjaan kita rahmat bagi sesama.

Mario Teguh

Copyrights of Mario Teguh

Tip Agar Disukai Orang

www.tengkuasmadi.com | www.facebook.com/drasmadi

- Berikan ucapan salam.
- Sedekahkan senyuman.
- Mudah ucapan terima kasih.
- Tidak berkata-kata jika hati sedang marah.
- Sentiasa fikir dan cakap yang baik-baik tentang orang lain.
- Layan orang lain seperti mana dia mahu dilayan.
- Fikir sebelum bercakap.
- Tidak mengkritik dan mengaibkan orang di depan orang lain.
- Menjadi pendengar yang baik.
- Simpan rahsia orang baik-baik.



Dr. Hj. Tengku Asmadi
www.fb.com/drasmadi



Kebahagiaan adalah kegembiraan dalam kesyukuran yang penuh kedamaian.

Orang yang ingin bernasib baik harus menggembirakan, mengajak bersyukur, dan mendamaikan hati sesamanya.

Kalau yang Anda lakukan membahagiakan orang lain, Anda akan dibahagiakan.

Mario Teguh

www.Facebook.MarioTeguh.asia